

28 APR 1997

Dewan - MEC

PAHANG BERHASRAT MILIKI 10 PERATUS SAHAM MEC CITY

KUANTAN, 28 April (Bernama) -- Kerajaan Pahang diberi jaminan memiliki 10 peratus saham dalam projek MEC City yang melibatkan pelaburan berjumlah RM750 juta, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Katanya, peratus pemilikan saham serta kaedah-kaedah penyertaan serta bentuk ekuiti Kerajaan Negeri masih dalam perbincangan antara Kerajaan Persekutan, Malaysia Electric Corporation Sdn Bhd (MEC) dan Kerajaan Negeri sendiri.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Datuk Abdullah Md Derus (BN-Kuala Pahang) semasa soal jawab di Dewan Undangan Negeri di sini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri belum mempertimbangkan untuk menambah keluasan kawasan MEC City. Keluasan tanah yang telah diluluskan untuk projek itu ialah 1,200 hektar.

MEC City yang terletak di Gambang, kira-kira 30 km dari sini merupakan pusat bagi pengeluaran barangan elektrik isi rumah buatan Malaysia untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Ia dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 17 Mac lepas dan pembinaannya melibatkan lima fasa yang mengambil masa antara 10 dan 15 tahun.

Ketika menjawab soalan Syed Ali Syed Mohamad (BN-Batu Talam), Khalil berkata projek perlombongan emas di daerah Raub akan membawa banyak manfaat dan peluang ekonomi kepada penduduk tempatan.

Katanya, kontraktor-kontraktor tempatan berpeluang mendapat kerja pembinaan loji, infrastruktur dan kerja tanah yang berjumlah lebih RM60 juta.

Projek itu juga memerlukan pekerja mahir dan separuh mahir kira-kira 400 orang, katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Datuk Adnan Yaakob pula ketika menjawab soalan Abdul Fattah Abdullah (BN-Padang Tengku) berkata, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menambah 419 jawatan guru siswazah bagi mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah agama.

Katanya, permohonan juga dibuat untuk menambah 167 kakitangan bukan guru bagi melancarkan urusan pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah agama.

Bagi tahun ini sebanyak RM15.8 juta diperuntukkan untuk membaiki dan menambah infrastruktur serta pengurusan sekolah agama, katanya.

-- BERNAMA.

AZ. WAT